

NUS tawar biasiswa baru bagi pelajar yang minat jadi usahawan



**PUPUK BAKAT
USAHAWAN MUDA:**
Pelajar NUS, Cik Kee
Qian Ling (*kiri*) dan
Cik Lynette Lau
merupakan enam
penerima pertama
Biasiswa Usahawan
Muda Stephen
Riady. – Foto SPH

PARA pelajar Universiti Nasional Singapura (NUS) yang berminat menjadi usahawan boleh memohon satu biasiswa baru, hasil hadiah daripada dermawan terkenal Stephen Riady.

Biasiswa bebas bon yang dibuka kepada semua mahasiswa baru daripada semua disiplin itu merangkumi yuran tuisyen dan elaun sepanjang pengajian mereka selama empat tahun.

Apabila tamat pengajian kelak, penerima yang mahu memulakan perniagaan boleh memohon kos permulaan sehingga \$50,000, lapor *The Straits Times*.

Enam pelajar baru NUS menerima Biasiswa Usahawan Muda Stephen Riady pada bulan Ogos lalu, permulaan tahun akademik baru.

Presiden NUS, Tan Eng Chye kelmarin berkata:

“Kami amat gembira (Dr Riady) mengongsi visi kami dalam menggalak keusahawanan dan inovasi dalam kalangan mahasiswa kami.”

Beliau menambah biasiswa itu sejajar dengan usaha NUS mahu membina dan membangunkan budaya keusahawanan menerusi inisiatif seperti kolej luar negara dan ruang inkubasi.

Pelajar yang menerima biasiswa itu akan dibimbing dan dimentor oleh NUS Enterprise – badan keusahawanan universiti tersebut.

“Keusahawanan merupakan pemacu inovasi dan mereka akan terus memainkan peranan penting dalam kemajuan ekonomi Singapura terutama dalam era digital ini. Adalah harapan saya bahawa biasiswa baru ini dapat memupuk gelombang usahawan seterusnya yang dapat membantu Singapura sentiasa maju ke hadapan di tengah-tengah masa mencabar.”

– Dr Stephan Riady, taikun Indonesia yang merupakan pengerusi eksekutif kumpulan hartanah OUE.

Mereka juga akan dapat menyertai Program Kolej Luar Negara NUS yang menghantar pelajar mengikuti program belajar sambil bekerja di hab keusahawanan serata dunia.

Pelajar dipilih berdasarkan minat mereka memulakan sebuah syarikat, di samping gred yang baik dan kualiti kepimpinan.

Dalam masa 10 tahun, NUS menjangkakan sehingga 50 perniagaan baru atau ‘start-up’ yang dihasilkan usahawan ini.

Dr Riady, taikun Indonesia yang merupakan pengerusi eksekutif kumpulan hartanah OUE berkata:

“Keusahawanan merupakan pemacu inovasi dan mereka akan terus memainkan peran-

an penting dalam kemajuan ekonomi Singapura terutama dalam era digital ini.

“Adalah harapan saya bahawa biasiswa baru ini dapat memupuk gelombang usahawan seterusnya yang dapat membantu Singapura sentiasa maju ke hadapan di tengah-tengah masa mencabar.”

Seorang daripada enam penerima pertamanya, Cik Kee Qian Ling, seorang mahasiswa kejuruteraan, sudah biasa menggabungkan perniagaan dan teknologi bagi meneroka idea baru.

Antara idea penuntut berusia 19 tahun ini ialah sebuah aplikasi yang membolehkan pelanggan yang ingin mengunjungi sebuah restoran, mula buat tempahan dari rumah.